

# Afrika Menggelegak

Apa yang tuan ketahui tentang Benua Afrika ... benua yang sedang menggelegak dengan perjuangannya menentang penjajah?

Afrika masih dalam permulaan perjuangannya untuk menyingkirkan penjajah dan pengkhianatannya dalam kebanyakan negeri-negerinya: di Congo, di Angola dan dalam tiap-tiap negeri di Afrika yang masih belum menyebarkan bendera kemerdekaan.

Wartawan "Akhir Sā'at", Jamil Arif, membentangkan dalam makalahnya yang berharga ini hasil tinjauan ke benua yang luas itu dengan gambaran yang sejelas-jelasnya..

(Terjemahan: Abdullah Basmeh)

Luas Benua Afrika kira-kira 12 juta batu

sahaja.

persegi. Panjangnya pula ialah 5 ribu batu, dan lebarnya

Sesuatu perkara lagi telah terdedah, iaitu

4,230 batu.

pertubuhan-pertubuhan penyebar Kristian telah membelanjakan di benua

Menurut banci Bangsa-bangsa Bersatu bahawa penduduk

Afrika sepanjang seratus tahun yang lalu, lebih daripada

benua ini ialah di antara 210 juta dengan 240 juta

seratus juta paun sterling. Yakni pertubuhan-pertubuhan

orang. Jabatan Banci Bangsa-bangsa Bersatu tidak pula

tersebut telah membelanjakan kira-kira 50 pound atas tiap-tiap

menetapkan tepatnya banci ini kerana sukarnya kerja membanci

seorang penduduk Afrika yang telah memeluk agama Kristian.

penduduk yang hidup di hutan rimba dan di padang-padang

Meskipun begitu tetapi pertubuhan-pertubuhan penyebar Kristian

Sahara.

itu telah gagal daripada memasuki daerah-daerah pedalaman yang

Serentak dengan terkibarnya bendera-bendera kemerdekaan

terletak jauh pantai laut. Kecergasan pertubuhan-pertubuhan

di benua Afrika maka banyaklah perkara-perkara yang dapat diketahui

Kristian, hingga hari ini, hanya berpusat

tentang agama-agama penduduknya. Jumlah penduduk benua Afrika

di daerah-daerah yang terletak di pesisir benua itu.

yang beragama Islam ialah 160 juta lebih dan yang masih

## Negara-negara Yang Merdeka Dan Yang Terjajah

menurut kepercayaan jahiliah tidak melebihi dari 40

Negara-negara yang merdeka dan yang dipegang pemerintahnya

juta. Manakala yang beragama Kristian – menurut punca

oleh orang-orang Afrika sendiri adalah dianggarkan

orang-orang Kristian sendiri – kira-kira 21 juta

luasnya kira-kira 3,400,000 batu persegi, dan

penduduknya berjumlah kira-kira 121 juta.

Manakala negara-negara yang merdeka atau seakan-akan merdeka, dan dipegang pemerintahannya oleh orang-orang Eropah, seperti negara-negara Kesatuan Afrika Selatan dan Kesatuan Rhodesia Selatan dan Rhodesia Utara bersama-sama dengan Nyasaland, adalah dianggarkan luasnya kira-kira 1,500,000 batu persegi, dan penduduk berjumlah kira-kira 27 juta orang sahaja.

Sedang negara-negara yang masih terjajah dan tampuk pemerintahannya dipegang oleh kerajaan-kerajaan Eropah hingga saat ini, adalah dianggarkan luasnya kira-kira 800 batu persegi, dan penduduknya tidak melebihi daripada 31 juta.

Manakala negara-negara yang orang-orang Afrika sendiri mengambil bahagian menjalankan pemerintahannya adalah dianggarkan luasnya 4,800,000 batu persegi, dan penduduknya berjumlah kira-kira 47 juta.

Lebih lanjut, wartawan "Akhir Sā'at" mencatatkan tentang tiap-tiap sebuah negara di Afrika seperti berikut:

### **Somaliland**

Rakyat negara Somal sedang memperjuangkan cita-cita "Somal Raya" yang bertujuan menyatukan kembali negara Somal yang telah dilapah-lapah oleh penjajah kepada lima buah negeri kecil.

Yang pertama: Negeri Somal bekas tanah jajahan




*Rakyat negara Somal sedang memperjuangkan rancangan "Somal Raya" yang akan menyatupadukan kelima-lima daerah*

*Somal yang telah dilapah-lapah oleh penjajah Barat. Mereka kelihatan mengibarkan cogan dalam bahasa Arab menuntut*

*supaya penjajah Perancis memerdekakan jajahan Djibouti (Somal Perancis).*

Itali, dan yang kedua: Negeri Somal bekas jajahan ‘  
Inggeris. Kedua-duanya telah disatukan selepas merdeka  
(pada tahun 1960 yang lalu) dan dengan itu terbentuklah  
Republik Somalia yang ada sekarang ini. Yang ketiga: Negeri  
Somal yang dijajah oleh Perancis. Yang keempat:  
daerah Somal Kenya, iaitu sebahagian tanah Somal  
yang telah diduduki oleh tentera British lalu disatukan  
dengan tanah jajahannya: Kenya. Manakala yang kelima pula ialah  
daerah Somal Habsyah, iaitu sebahagian dari tanah  
Somal yang telah termasuk dalam negara Habsyah  
(Ethiopia).

Rakyat Republik Somal hari ini dianggarkan  
berjumlah dua juta. Ibu negerinya: Mogadishu, dan  
Presiden negara itu ialah Abdullah Osman.



Suatu pemandangan di bandar Zanzibar – di Afrika Timur.

## Malagasy

Negara Malagasy (dahulu bernama Madagascar)  
telah mencapai kemerdekaan pada tahun yang lalu dari  
tangan penjajah Perancis dan menjadi anggota dalam  
kumpulan negara-negara Commonwealth – ala – Perancis.

Ibu negerinya bernama Tananarive. Baharu-baharu ini,  
alat-alat dan penyokong-penyokong penjajah Belgium dalam Republik  
Congo telah bersidang di bandar ini dan telah mengadakan  
pakatan jahat untuk membahagi-bahagikan Congo sesama  
sendiri, supaya mudah bagi penjajah mengembalikan  
kekuasaan dalam Republik Kongo yang kaya-raya  
itu.

Presiden negara Malagasy bernama Tsiranana.  
Penduduknya berjumlah kira-kira 3 juta jiwa, di antaranya  
kira-kira 24 ribu orang-orang Eropah.

(Seyogia disebut Pulau Madagascar ini ialah  
pulau yang keempat dalam dunia nisbah kepada luasnya kemudian  
daripada pulau-pulau Greenland, Papua dan Kalimantan. Luasnya  
241,094 batu persegi. Letaknya di Afrika Timur  
berhadapan dengan tanah daratan negeri Mozambique).

## Zanzibar

Sebuah negeri naungan British. Pemerintahannya  
dijalankan oleh seorang sultan bersama-sama dengan seorang  
pegawai British. Nama Sultannya: Sayyid Khalifa bin Harub.

Pada mulanya Sultan Zanzibar menguasai dua buah  
pulau di tepi Laut Kenya di Afrika Timur, kedua-duanya  
ialah Pulau Zanzibar dan Pemba, selain daripada  
sebahagian dari tanah daratan di seberang yang lebarnya 12  
batu dari pantai dan panjang pantainya 25 batu, termasuk  
Pulau Mombasa yang terletak di hadapannya tetapi Inggeris



*Rakyat Kenya sedang memperjuangkan kemerdekaan tanah air mereka dan menegakkan kedaulatannya.*

Pada tahun 1885 telah memperdaya Sultan Zanzibar lalu menyewa daripadanya tanah daratannya yang terletak di seberang termasuk Pulau Mombasa.

(Penduduk Zanzibar kira-kira tiga ratus ribu.

Ibu negerinya: Bandar Zanzibar – P.)

### **Rwanda - Urundi**

Jajahan ini dikuasai oleh Jerman sebelum Perang

Dunia yang pertama dan sekarang terletak dalam kekuasaan Belgium (sebagai pemegang wasiat) dengan diawasi oleh Bangsa-bangsa Bersatu.

Rwanda- Urundi ini terdiri daripada dua buah negeri yang beraja, tiap-tiap satunya diperintah oleh seorang raja yang mereka namakan “Mwami”.

Selain daripada itu Rwanda-Urundi ialah negeri yang ramai sekali penduduknya, berjumlah lima juta orang, meskipun negerinya kecil dan sempit nisbah kepada penduduknya yang ramai itu.

Orang-orang Ruanda-Urundi – banyak yang keluar merantau dan bekerja di lombong-lombong daerah Katanga di Congo dan di Afrika Selatan.

Pada beberapa bulan yang lalu, pihak yang berkuasa Belgium di Rwanda-Urundi telah melucutkan jawatan Mwami Kajiri<sup>1</sup>, Raja Urundi kerana sokongannya kepada Patrice Lumumba.

(Rakyatnya sedang berjuang dan mempunyai perhubungan dengan gerak kemerdekaan di Congo)

<sup>1</sup> Ejaan sebenar ialah Kigeli



*Pasukan tentera perempuan Tanganyika sedang berbaris.*

### **Kesatuan Rhodesia dan Nyasaland**

Kesatuan tanah-tanah jajahan ini letaknya di barat negara Mozambique, iaitu meliputi Rhodesia Utara, Rhodesia Selatan dan Nyasaland. Mula-mula ditubuhkan dalam bulan Ogos 1953. Pemerintahannya dijalankan oleh seorang ketua. Pemerintahan dari pihak kerajaan British dan tiap-tiap daerah mempunyai ketua daerahnya. Penduduknya kira-kira 8 juta. Ibu negerinya “Salisbury” yang juga menjadi ibu negeri Rhodesia Selatan.

### **Basutoland**

Tanah naungan British terletak dalam negara Afrika Selatan. Penduduknya kira-kira 700,000. Negeri ini sebuah negeri pergunungan yang berhawa sejuk, didiami oleh suku-suku bangsa “Basuto”. Ibu negerinya bernama Maseru.

Penduduk Basutoland terkenal dengan “gebar-gebar (selimut) bulu” yang diselempangkan di bahu mereka pada musim sejuk dan pada musim panas untuk menutup

badan mereka dari udara yang bersangatan sejuknya.

Penjajah-penjajah dalam peperangan Boer telah gagal daripada melanggar negeri ini kerana keadaannya yang merupakan sebuah negeri pergunungan, akhirnya British berjaya juga mengikat perjanjian dengan ketua-ketua anak negeri dan menjadikan negeri itu terletak di bawah naungannya.

Penganjur yang besar sekali di negeri ini ialah Mwalhifi<sup>1</sup> yang mewakili negerinya di persidangan negara-negara Afrika di Kaherah (pada bulan March yang lalu). Ia seorang lepasan Universiti London – menyandang *degree* M.

A. dalam pengetahuan Sains.

### **Uganda**

Tanah naungan Inggeris terletak dalam kawasan yang bertapak di tengah-tengah benua Afrika. Penduduknya berjumlah kira-kira 6 juta, di antaranya 11 ribu orang Eropah. Ibu negerinya bernama “Kampala”.

Semenjak beberapa bulan yang lalu, penjajah Inggeris telah memisahkan daerah Buganda daripada Uganda dengan tujuan supaya dapat menjalankan suatu rancangan penjajahan yang menyatukan Kenya, Tanganyika dan Uganda dalam satu kesatuan *federal* yang terletak dalam lingkungan *Commonwealth* British.

Rakyat Uganda telah menolak dengan keras akan rancangan itu. Gerakan kebangsaan yang sedang berjuang di Uganda dipimpin oleh Parti Kongres Kebangsaan. Parti ini di dokong oleh rakyat yang terbanyak di Uganda.

### **Kenya**

Pada mulanya Kenya disewa oleh Britain daripada Sultan (Zanzibar) dalam tahun 1895 dengan 10 ribu paun setahun. Pihak yang berkuasa British

<sup>1</sup>Tidak dapat dipastikan perkataan sebenarnya

cuba menghalau anak negeri dari tanah masing-masing dan menyerahkan tanah-tanah itu menjadi milik orang-orang putih.

Akhirnya meletus gerakan Mau Mau yang telah tersiar luas di antara penduduk Kenya dari berbagai-bagai suku.

Bagi menindasnya kerajaan British telah mengerahkan 100,000 askarnya. Pada bulan Februari yang lalu telah diadakan pilihan raya yang pertama dan anak negeri telah mendapat suara yang besar sekali dalam Majlis Kebangsaan.

Penganjur-penganjur Kenya sedang mendesak kerajaan British supaya membebaskan penganjur Kenya yang terkemuka Jomo Kenyatta.

### **Tanganyika**

Negeri ini akan mengisytiharkan kemerdekaan pada

bulan Oktober yang akan datang. Tanganyika pernah dijajah oleh Jerman dan selepas Perang Dunia yang pertama terletak di bawah kekuasaan British (yang menjadi wakil pemegang amanah) dengan diawasi oleh Bangsa-bangsa Bersatu.

Penduduknya berjumlah kira-kira 9 juta, di antaranya 25 ribu orang Eropah, dan kira-kira 77 ribu orang-orang Arab dan orang-orang Asia. Letaknya di Afrika Timur, di Selatan Tasik Victoria. Ibu negerinya: "Dar es Salaam".

### **Congo**

Pada mulanya negeri ini, setelah dijajah, telah dijadikan hak milik Raja Belgium. Dalam tahun 1908 Raja Belgium pula menyerahkan kepada negara



*Congo sedang dibelasah dengan kejam oleh tentera boneka penjajah di Congo.*

Belgium. Semenjak itu hiduplah rakyat Congo di bawah tekanan orang-orang Belgium dan penjajahannya sehinggalah negara Congo mencapai kemerdekaannya pada 3 hari bulan Jun 1960 dan Patrice Lumumba berjuang terus memperkukuh kemerdekaan yang tersebut. Tetapi penjajah tidak membiarkannya, dan sebabnya ialah kerana negara Congo itu mempunyai kekayaan yang besar. Sebagaimana yang diketahui, pada tiap-tiap tahun, 50 peratus dari uranium dan 60 peratus dari intan seluruh dunia adalah dikeluarkan dari Congo. Negara Congo juga mengeluarkan 14 tan emas pada tiap-tiap tahun.

Penjajah Belgium pada masa yang lalu menumpukan ekonominya kepada kekayaan negara Kongo yang tersebut, dan manakala sesudah penjajah membunuh penganjur Congo, Patrice Lumumba, penjajah telah menggunakan boneka-bonekanya untuk melapah-lapah kesatuan negara Congo supaya dengan jalan itu ia akan dapat bertapak di situ meskipun negara itu telah merdeka.

### **Angola**

Sebuah tanah jajahan yang terletak di barat daya Afrika. Dijajah oleh Portugis semenjak tahun 1575. Ibu negerinya bernama "Luanda" dan penduduknya berjumlah kira-kira 4,500,000 jiwa. Di antaranya setengah juta sedang hidup di Congo sebagai orang pelarian. Pada masa ini Angola sedang menggelegak dengan pemberontakan menentang penjajah Portugis.

Pemberontakan yang dinyalakan oleh mendiang Patrice Lumumba di Congo telah menyalakan pemberontakan di Angola.

### **Bechuanaland**

Negeri naungan British. Jumlah penduduknya 350 ribu jiwa dan ibu negerinya bernama ((Mafeking)). Padang Sahara ((Kalahari)) yang terkenal di Afrika Selatan terletak di dalam negeri Bechuana ini.

Penduduknya terdiri daripada berbagai suku bangsa hidup dengan menggembala binatang ternak. Penganjur mereka ialah Seretse Khama yang telah menggemparkan pada beberapa tahun yang lalu tatkala ia beristerikan seorang gadis Inggeris di London, lalu Inggeris melarangnya kembali ke negerinya. Inggeris telah melantik bapa saudaranya sebagai gantinya. Pada tahun yang lalu ia telah dibenarkan kembali ke tanah airnya dengan syarat jangan ia mengambil bahagian dalam urusan pemerintahan.

Bechuanaland akan mencapai kemerdekaannya pada tahun 1962 yang akan datang.

**-bersambung**

***Sudah terbit!***

Pengajian

**KESAH PELAYARAN**

**ABDULLAH MUNSHI**

*di-susun sa-mula oleh:*

EDRUS

Harga \$2.50 sa-naskhah

tambah belanja pos (register) 40 sen

*Di-chitak dan di-terbitkan oleh*

QALAM,

356/358, GEYLANG ROAD,

**SINGAPORE 14.**